

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

Polis bongkar penjualan sijil vaksin COVID-19 palsu



Kad janji temu vaksinasi dipercayai bagi mendapatkan sijil palsu vaksinasi yang dikeluarkan sebuah klinik swasta di Marang, Terengganu. Polis turut merampas dokumen, komputer dan telefon dipercayai digunakan untuk tujuan berkenaan.

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Polis Terengganu membongkar kegiatan penjualan sijil vaksinasi COVID-19 dipercayai palsu selepas menahan seorang doktor sebuah klinik swasta dalam satu serbuan di Marang, Sabtu lalu.

Susulan penahanan doktor lelaki berusia 51 tahun itu, polis dan Jabatan Kesihatan Terengganu sedang menyiasat sama ada kira-kira 1,900 individu yang berurusan untuk divaksin dengan klinik berkenaan diberi sijil vaksinasi tulen atau sebaliknya.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa, berkata serbuan jam 7 malam itu dilakukan hasil

aduan awam mengenai kegiatan penipuan disyaki membabitkan pengedaran sijil vaksin kepada golongan yang tidak mahu disuntik vaksin atau antivaksin.

"Difahamkan, setiap individu yang ingin mendapatkan sijil vaksinasi palsu ini perlu membayar antara RM400 hingga RM600 berbanding harga sebenar suntikan RM300 sahaja.

"Doktor terbabit disyaki melancarkan urusan penjualan itu secara dalaman talian sejak September lalu," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kaseamani Embong.

Rohaimi berkata, dalam serbu-

an itu, polis merampas pelbagai dokumen berkaitan, 100 kad janji temu vaksinasi, komputer riba dan telefon.

"Siasatan akan dijalankan bersama Kementerian Kesihatan (KKM) untuk menilai dan membuat pemeriksaan terhadap aplikasi MySejahtera individu terbabit.

"Siasatan awal mendapati seramai 1,900 individu berurusan dengan klinik ini (tujuan vaksinasi) dan daripada jumlah itu kita masih menyiasat berapakah jumlah sebenar yang tidak mendapatkan suntikan, namun hanya mendapat sijil vaksinasi palsu," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Kes jemaah umrah tiada rekod vaksinasi

SAFTTA minta KKM beri penjelasan lanjut

Siasatan ambil masa lama jejas persepsi masyarakat terhadap jemaah

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Pengembaraan Dan Agensi Pelancongan Selangor (SAFTTA) meminta Kementerian Kesihatan (KKM) memberi penjelasan lanjut mengenai 14 peratus jemaah umrah di bawah kendalian agensi pelancongan tidak mempunyai rekod vaksinasi.

Presidennya, Dr Fathir Badri Alhadad, berkata laporan media mengenai isu berkenaan menerangkan kerana berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi, kemasukan jemaah umrah ke negara berkenaan adalah amat ketat.

Katanya, semua jemaah umrah perlu mempunyai maklumat jenis vaksin serta tahap kesihatan untuk dimasukkan ke aplikasi Muqem iaitu 72 jam sebelum jemaah memulakan penerbangan.

"Aplikasi ini juga turut ber-

sambung dengan dua aplikasi lagi iaitu Tawakalna dan Eatamar-na yang mana data serta maklumatnya saling berhubung untuk mendapatkan slot mengerjakan umrah, memasuki Raudhah dan solat di Masjidilharam serta Masjid Nabawi.

"Jika ini berlaku, ia secara tidak langsung memberi kesan kepada jemaah umrah dengan pelbagai tuduhan seperti sanggup menipu dan sebagainya hingga menarik perhatian mufti untuk memberikan pandangan mereka," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Khamis lalu, KKM mengesahkan ketidakpatuhan kepada SOP apabila 14 peratus daripada 122 kes Omicron membabitkan jemaah umrah yang tidak menerima suntikan vaksin.

Dr Fathir berkata, sekiranya terbukti ia dikendalikan oleh agensi pelancongan, pihaknya menyokong tindakan tegas perlu

diambil oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC).

"Lebih lama masa diambil oleh KKM untuk menyiasat perkara ini, lebih teruk persepsi masyarakat terhadap jemaah umrah," katanya.

Isu berkenaan turut menarik perhatian ahli agama yang menyifatkan perbuatan memalsukan sijil pelalitan COVID-19 untuk mengerjakan ibadah umrah menzalimi pihak lain dan individu yang melakukannya perlu bertaubat.

Jumaat lalu, Timbalan Mufti Perak, Datuk Zamri Hashim berkata sekiranya ia tidak dibendung, perbuatan itu akan menjadi amalan yang mencalarakan imej agama dan negara.

"Yang pasti, tiada siapa kata boleh menipu. Disebabkan dia (pemalsu sijil vaksin), nanti sijil vaksin sudah tidak lagi boleh dipercayai," katanya.

Jika ini berlaku, ia secara tidak langsung memberi kesan kepada jemaah umrah dengan pelbagai tuduhan seperti sanggup menipu dan sebagainya hingga menarik perhatian mufti untuk memberikan pandangan mereka

Fathir Badri Alhadad, Presiden SAFTTA



Rohaimi (tengah) dan Dr Kasemani (kiri) menunjukkan sijil palsu vaksinasi COVID-19.

(Foto Ghazali Kori/BH)

Ada klinik belum jadi PPV sudah beri suntikan berbayar

Dari muka 1

Rohaimi berkata, individu dari luar Terengganu juga dipercayai turut menggunakan khidmat doktor berkenaan bagi mendapatkan sijil vaksinasi palsu.

Katanya, suspek juga dipercayai menggunakan ejen yang diberi komisen sebanyak RM50 untuk mempromosikan khidmatnya dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan.

"Perbuatan doktor yang ber-tauliah itu bukan sahaja merupakan satu jenayah, malah boleh membawa musibah kepada kesihatan masyarakat," katanya.

Suspek kini direman bagi membantu siasatan lanjut mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan.

Sementara itu, Dr Kasemani berkata, klinik swasta berkenaan dibenarkan untuk memberi suntikan vaksinasi secara

berbayar sejak September tahun lalu dan semakan mendapati klinik itu telah membuat permohonan untuk dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) COVID-19, namun belum diluluskan.

Katanya, terdapat klinik yang masih belum dilantik menjadi PPV, namun boleh memberikan suntikan secara berbayar bagi vaksin COVID-19 keluaran Sinovac sahaja.

Beliau berkata pemberian suntikan vaksin secara berbayar semakin berkurangan kerana sudah terdapat vaksin yang mencukupi untuk diberikan secara percuma di PPV yang dilantik.

"Kita akan tunggu hasil siasatan polis untuk tindakan lanjut terhadap doktor dan klinik ini," katanya dan menambah pendaftaran klinik serta lesen doktor berkenaan boleh dibatalkan jika didapati bersalah.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19



KKM memantau secara berterusan bekalan dan tarikh luput vaksin COVID-19 yang diterima oleh PSV dan PPV dengan mengguna pakai Sistem Pengurusan Vaksin (Vaccine Management System atau VMS). (Foto hiasan)

KKM nafi dakwaan tular suntik vaksin COVID-19 luput

Semakan dapati tiada stok tamat tempoh dibekal kepada PSV, PPV

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan dakwaan yang tular di media sosial mengenai vaksin COVID-19 luput atau hampir luput disuntik kepada orang ramai.

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi KKM, Norhaliza A Halim, berkata berdasarkan semakan, tiada stok vaksin yang sudah luput dibekalkan kepada Pusat Simpanan Vaksin (PSV) dan Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

Katanya, KKM memantau secara berterusan bekalan dan tarikh luput vaksin COVID-19 yang diterima oleh PSV dan PPV dengan mengguna pakai Sistem Pengurusan Vaksin (Vaccine Management System atau VMS).

"Pemantauan turut dilakukan pada sistem inventori sedia ada yang terdapat di fasiliti Program

Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

"Semua produk farmaseutikal, termasuk vaksin COVID-19 akan dipastikan dinilai dari segi kualiti, keselamatan dan keberkesanan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Sebelum ini, tular di media sosial mengenai dakwaan vaksin COVID-19 yang diberikan kepada penerima sudah luput atau hampir luput.

Norhaliza berkata, sesetengah dakwaan tidak dapat disiasat dengan sewajarnya kerana maklumat lokasi dan tarikh kejadian serta maklumat produk yang terbahit tidak dinyatakan.

Bellau berkata, penentuan jangka hayat produk farmaseutikal, termasuk vaksin COVID-19 ditetapkan berdasarkan ujian kestabilan produk vaksin yang dijalankan oleh pengilang pada masa nyata dan suhu penyimpanan tertentu.

"Vaksin COVID-19 dibangunkan dalam jangka masa yang singkat iaitu kurang daripada dua tahun, berbanding tempoh pembangunan biasa sesuatu produk farmaseutikal.

"Oleh itu, tempoh ujian dijalankan untuk menentukan jang-

ka hayat vaksin terhad pengilang hanya dibenarkan untuk meletakkan tarikh luput berdasarkan tempoh kestabilan vaksin itu telah diuji pada masa nyata dan bukan secara ekstrapolasi," katanya.

Bellau berkata, sekiranya pengilang mempunyai data tambahan selepas ujian lanjut dijalankan, permohonan lanjutan jangka hayat vaksin akan dikemukakan kepada NPRA.

"Jangka hayat produk vaksin COVID-19 juga akan berubah sekiranya terdapat perubahan kepada suhu penyimpanan dan tarikh luput baharu akan diberikan. Namun, ia masih selamat untuk digunakan, selagi belum melangkaui tarikh luput baharu itu.

"NPRA sudah pun meluluskan permohonan lanjutan jangka hayat bagi vaksin Comirnaty (daripada enam kepada sembilan bulan). CoronaVac yang dikilangkan oleh Sinovac, China daripada sembilan kepada 12 bulan. CoronaVac yang dikilangkan Pharmanaga Lifescience, Malaysia daripada enam kepada 12 bulan.

"NPRA juga meluluskan lanjutan tempoh jangka hayat bagi produk vaksin Convicedia daripada enam kepada 12 bulan pada 17 Disember lalu," katanya.

Syarikat ingin beri dos penggalak disyor daftar PPV

Kuala Lumpur: Syarikat dan persatuan yang ingin memberi dos penggalak kepada pekerja dan ahli mereka digalakkan mendaftar sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) jangkau luar menerusi pengamal perubatan, swasta (PPS) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) penjagaan kesihatan yang berdaftar dengan ProtectHealth.

ProtectHealth dalam kenyataan semalam, memaklumkan program itu menyediakan kaedah lebih terkawal dan mudah untuk pekerja, terutama bagi yang bekerja di kilang, selain menyediakan vaksinasi di rumah.

"Bermula November 2021, PPV jangkau luar ini sudah dikendalikan oleh PPS dan NGO penjagaan kesihatan untuk memperluas akses kepada dos penggalak dan mempercepat kadar pemberian vaksin dos penggalak di seluruh negara.

"Syarikat dan persatuan boleh meminta dengan PPS atau NGO penjagaan kesihatan yang telah

berdaftar dengan ProtectHealth untuk menjalankan program PPV jangkau luar untuk pekerja atau ahli mereka," menurut kenyataan itu.

PPV jangkau luar menggantikan PPV industri seperti Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS), Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AIVAC) dan Program Vaksinasi Industri Peruncitan (RIVAC), yang sebelum ini sudah dilaksanakan bersama kementerian berwajib.

Kemudahan itu turut menggantikan program jangkau luar yang sebelum ini dilaksanakan oleh NGO penjagaan kesihatan bagi kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman.

Menurut ProtectHealth, menerusi program itu, syarikat atau persatuan tidak dibenarkan mengenakan bayaran kepada penerima vaksin kerana kos vaksin ditanggung kerajaan dan disediakan secara percuma. **BERNAMA**

Kadar Rt kebangsaan naik

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) mencatat 2,641 kes positif baharu COVID-19 semalam, berbanding 2,888 kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kes baharu itu menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 2,788,860 kes di negara ini.

Sementara itu, kadar kebolehhajkitan atau R-naught (Rt) COVID-19 kebangsaan meningkat 0.01 kepada 0.98, berbanding Sabtu lalu.

Berdasarkan data dikongsikan Dr Noor Hisham semalam, lima negeri merekodkan kadar Rt tertinggi melebihi 1.00.

Negeri mencatatkan kadar Rt melebihi 1.00 ialah Sabah (1.07), Melaka (1.03), Kuala Lumpur (1.06), Labuan (1.19) dan Negeri Sembilan (1.02), manakala Kedah (1.00).

Sementara itu, negeri lain yang

mencatatkan Rt atas 0.90 ialah Selangor (0.99), Pulau Pinang (0.95), Johor (0.97), Kelantan (0.96), Putrajaya (0.96), Pahang (0.99) dan Perlis (0.95).

Hanya Sarawak dan Terengganu mencatatkan bacaan Rt tendah, iaitu masing-masing 0.87.

Sementara itu, 78.5 peratus populasi negara atau 25,647,708 individu menerima suntikan lengkap vaksin COVID-19 setakat kelmarin, manakala sehingga tempoh sama penerima dos penggalak meningkat kepada 23.9 peratus bersamaan 7,809,058 individu.

Berdasarkan data laman web COVIDNOW, daripada jumlah keseluruhan individu lengkap divaksinasi berkenaan, 22,881,770 adalah populasi dewasa dan selebihnya sebanyak 2,765,938 adalah golongan remaja.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : LOKAL

Dari KL suntik vaksin di Marang

Doktor dipercayai jual sijil vaksinasi Covid-19 palsu berharga RM600 sejak September lalu ditangkap polis

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
zatuliffah@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Seorang doktor dikesan bersekongkol dengan golongan antivaksin apabila sanggup 'menjual' sijil vaksinasi Covid-19 palsu kepada individu terbabit dipercayai untuk mengaut keuntungan.

Menerusi penjualan sijil vaksinasi berharga antara RM400 hingga RM600 setiap satu, ada individu dari luar negeri ini termasuk dari Kedah mahupun Kuala Lumpur turut 'menerima vaksinasi' di klinik swasta berkenaan.

Bagaimanapun, kegiatan licik suspek lelaki berusia 51 tahun itu terbongkar apabila klinik terletak di Marang terbabit diserbu sepasukan anggota polis jam 7 malam Sabtu lalu.

Serbu dilakukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkenaan turut merampas hampir 100 keping kad peringatan vaksinasi.

Ketua Polis Terengganu Datuk Rohaimi Md Isa berkata, serbu dilakukan hasil maklumat awam mengenai penipuan pengeluaran sijil vaksin kepada individu enggan divaksin atau golongan antivaksin.

Menurutnya, suspek di-

percayai melakukan aktiviti terbabit sejak September tahun lalu.

"Setakat ini, ada 1,900 individu sudah mendapatkan sijil ini dan kita sedang menyiasat sama ada kesemuanya (sijil vaksinasi itu) tulen atau sebaliknya.

"Kita turut merampas dokumen berkaitan seperti kad temu janji vaksin yang sudah menerima dos satu, komputer riba, telefon dan sebagainya.

"Siasatan akan dijalankan bersama KKM untuk menilai dan membuat pemeriksaan terhadap aplikasi MySejahtera mereka," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media bersama jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah JKNT Datuk Dr Kasemani Embong Rohaimi berkata, siasatan mendapati suspek memperoleh kebenaran untuk memberikan suntikan vaksin pada September tahun lalu.

Menurutnya, dalam siasatan awal, suspek mengaku dirinya sebagai antivaksin dan dipercayai melakukan

kegiatan itu tanpa bantuan kakitangan klinik lain.

Katanya, suspek dipercayai menghebahkan kegiatan itu secara 'mulut ke mulut' dengan memberi upah RM50 dan siasatan awal mendapati terdapat juga pelanggan dari Kedah dan Kuala Lumpur.

"Walaupun suspek mengaku antivaksin, beliau sudah menerima suntikan vaksin (Covid-19), mungkin atas sebab tuntutan kerjaya beliau sebagai doktor.

"Tidak logik mereka ini datang ke Terengganu untuk mendapatkan suntikan vaksin di sebuah klinik di Marang dan itu antara faktor

1,900

individu dipercayai sudah mendapatkan sijil vaksinasi


yang diasiasat oleh KKM.

"Suspek kini direman sehingga esok (hari ini) untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan," katanya.

Rohaimi berkata, pihaknya memandang serius kes berkenaan kerana ia bukan hanya membabitkan penipuan, tetapi boleh mendatangkan bencana atau musibah kesihatan kepada masyarakat umum.



ROHAIMI (dua dari kanan) dan Dr Kasemani (tiga dari kanan) menunjukkan sijil vaksinasi Covid-19 dipercayai palsu yang dirampas.



DOKUMEN berkaitan sijil vaksinasi yang dirampas ketika serbu di sebuah klinik di Marang pada Sabtu lalu.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : COVID-19

KELANTAN IZIN MAJLIS NIKAH, KENDURI

Hanya 50% tetamu ikut kapasiti ruang

Oleh Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Majlis akad nikah dan kenduri dibenarkan di negeri ini bagi individu yang lengkap menerima dos vaksin dengan kadar kehadiran 50 peratus ka-

pasiti ruang premis berkuat kuasa serta-merta.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) Datuk Che Mohd Rahim Jusoh berkata, individu yang hadir ke majlis itu juga perlu mematuhi penjarakan fizikal.

Katanya, individu yang lengkap menerima vaksin dibenarkan membawa ka-

nak-kanak berusia 12 tahun ke bawah dan perlu mematuhi protokol kesihatan umum.

"Semua kursus pra perkahwinan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPI) dijalankan secara dalam talian.

"Perkhidmatan khidmat nasihat dan runding cara dijalankan secara dalam talian

dan bersemuka dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Segala arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dari semasa ke semasa adalah terpakai," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

7,809,058 sudah dapat suntikan dos penggalak

Kuala Lumpur: Sebanyak 78.5 peratus populasi negara atau 25,647,708 individu sudah menerima suntikan lengkap vaksin Covid-19 setakat kelmarin manakala sehingga tempoh sama penerima dos penggalak meningkat kepada 23.9 peratus bersama 7,809,058 individu.

Berdasarkan data laman web Covidnow, daripada jumlah keseluruhan individu lengkap divaksinasi

berkenaan, seramai 22,881,770 merupakan populasi dewasa dan selebihnya sebanyak 2,765,938 adalah golongan remaja.

Sasaran 80 peratus keseluruhan rakyat Malaysia lengkap divaksin adalah pada 5 Ogos ini.

Dalam pada itu, statistik harian menunjukkan 110,258 dos vaksin diberikan kelmarin melibatkan 910 dos pertama, 1,500 dos lengkap dan 107,848 dos penggalak.

Penerima dos penggalak meningkat kepada 23.9 peratus

Tambah lokasi pulang peranti

Kuala Lumpur: QuickMed akan menambah lokasi pusat pemulangan peranti pengesanan digital bagi memudahkan orang ramai mendapatkan khidmat menanggalkan peranti itu dengan lebih pantas dan efisien selepas tamat tempoh perintah kuarantin di rumah masing-masing.

QuickMed dalam satu kenyataan kelmarin memaklumkan pertambahan lokasi baharu itu dengan kerjasama U.n.i Klinik mula beroperasi sepenuhnya hari ini (11 Januari) dari jam 9 pagi hingga 5 petang setiap Isnin hingga Ahad.

"Merujuk kepada kejadian pagi ini (kelmarin) iaitu peningkatan jumlah pengguna yang beratur di sebuah pusat pemulangan peranti pengesanan digital bagi urusan menanggalkan peranti itu, kami ingin memohon maaf kepada mereka yang terlibat.

"Kami ingin memaklumkan perkara tersebut telah diselesaikan dengan segera dalam tempoh 30 minit selepas dibangkitkan ke pihak sewajarnya," menurut kenyataan itu.

QuickMed adalah penyelesaian penjagaan kesihatan digital Edgenta NXT Sdn Bhd


Pertambahan lokasi baharu itu mula beroperasi sepenuhnya hari ini

UEM Edgenta Berhad di bawah bahagian Healthcare Solutions, yang dilantik memasang Sistem Pengurusan Kuarantin Rumah (HQMS) kepada pengembara yang tiba dari negara berisiko tinggi dan kes positif yang telah dinilai oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC).

Menurut kenyataan sama, individu yang sudah melengkapkan tempoh perintah kuarantin boleh hadir ke lokasi terdekat untuk menanggalkan peranti pengesanan digital mereka tanpa perlu janji temu.

"Kawasan menunggu di klinik-klinik berkenaan adalah terhad dan lokasi utama di UEM Edgenta Learning Centre yang terletak di 5, Jalan 51/217, Seksyen 51, 46050 Petaling Jaya, Selangor, kekal beroperasi pada hari dan masa yang sama," menurut kenyataan itu.

Penambahan lokasi di Lembah Klang antaranya di U.n.i Klinik Bangi; U.n.i Klinik Shah Alam; U.n.i Klinik Cheras; U.n.i Klinik Kota Damansara dan U.n.i Klinik Telok Panglima Garang dan untuk maklumat lanjut serta senarai lengkap semua lokasi Pusat Penanggalan, sila la-yari www.uedgenta.com/hqms.



KEPUTUSAN penjarakan saf mengambil kira pandangan pelbagai pihak termasuk KKM dan ulama.

'Bukan saja-saja jarakkan saf solat'

Bagan Serai: Keputusan penjarakan saf solat bukan 'saja-saja' dibuat oleh kerajaan sebaliknya diputuskan pihak berkuasa agama negeri setelah mengambil kira pandangan termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan ulama ketika negara masih berdepan dengan ancaman pandemik Covid-19.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Senator Idris Ahmad berkata, adalah menjadi hasrat untuk merapatkan kembali saf solat berjemaah di Malaysia namun akur dan menghormati keputusan bidang kuasa agama negeri-negeri dengan mengambil kira situasi semasa.

"Kalau kita ingin rapat saf,

keputusan yang dibuat bukan saja-saja dibuat sebaliknya dah diputuskan oleh orang agama, ulama, KKM dan sebagainya. Kita juga kena rujuk kepada bidang kuasa agama negeri dan sekiranya dibenarkan KKM dan semua itu bergantung kepada keputusan mereka dan semua kena hormat.

"Di Arab Saudi pun mereka terpaksa melakukan penjarakan semula saf solat kerana tentu ada sebab tertentu dan insya-Allah kita akan bincang semula perkara itu dari semasa ke semasa apabila diperlukan,"

katanya selepas merasmikan pecah tanah bangunan Sekolah Rendah Integrasi Teras Islam (SRITI) Bestari, kelmarin.

Beliau mengulas langkah beberapa negeri termasuk Perlis yang kembali merapatkan saf di masjid dan surau manakala Johor pula memendekkan jarak ditetapkan menerusi prosedur operasi standard (SOP).

Dalam perkembangan lain, Idris berkata beliau akan membuat pertemuan dengan pengendali umrah sulung tindakan kerajaan menagguhkan perjalanan um-

rah ke Arab Saudi selama sebulan.

Katanya, walaupun pelaksanaan ibadah umrah adalah bidang kuasa Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) namun pihaknya sedia berbincang mengenai masalah dihadapi pengendali umrah.

"Boleh bincang dengan saya dan insya-Allah pegawai saya akan aturkan tarikh sesuai," katanya.

Kerajaan sebelum ini memutuskan untuk menangguhkan sementara perjalanan umrah bagi tempoh sebulan berkuat kuasa semalam bagi memberi laluan kepada proses penilaian risiko dan penelitian terhadap beberapa perkara termasuk SOP.

"Di Arab Saudi pun mereka terpaksa melakukan penjarakan semula saf solat Idris"

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA



ROHAIMI (kanan) dan Dr. Kasemani menunjukkan sijil vaksinasi palsu yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Terengganu, Kuala Terengganu semalam. – PUQTRA HAIRRY

Doktor jual sijil vaksinasi palsu RM400 diberkas

KUALA TERENGGANU – Kegiatan seorang doktor sebuah klinik swasta membekalkan sijil vaksinasi Covid-19 palsu kepada golongan antivaksin sejak September tahun lalu berakhir selepas dia ditahan baru-baru ini.

Lelaki berusia 51 tahun itu ditangkap dalam serbuan di sebuah klinik swasta di Marang dekat sini pada pukul 7 malam, Sabtu lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md. Isa berkata, dalam serbuan itu, pihaknya merampas kira-kira 1,900 dokumen yang telah diisi oleh pelanggan klinik berkenaan.

Turut dirampas sijil vaksinasi dipercayai palsu, komputer riba, telefon bimbit dan pelbagai dokumen berkaitan.

"Siasatan awal mendapati suspek yang juga pemilik klinik tersebut mengenakan caj RM400 dan RM600 bagi setiap sijil vaksinasi palsu tersebut.

"Kita percaya suspek menjual sijil vaksinasi itu secara online dan promosi dibuat oleh orang tengah," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini semalam.

Turut hadir Pengarah Kes-

ihatan Terengganu (JKNK), Datuk Dr. Kasemani Embong.

Mengulas lanjut, Rohaimi memberitahu, pemeriksaan mendapati sebahagian pelanggan yang membeli sijil vaksinasi tersebut beralamat di Kuala Lumpur dan Kedah.

Setakat ini, polis masih menyiasat jumlah sebenar sijil vaksinasi palsu yang telah terjual dalam tempoh empat bulan tersebut.

Tambah beliau, pegawai perubatan itu kini ditahan reman bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Kita akan meneruskan kerjasama erat dengan JKNK akan bagi membanteras kegiatan seumpama ini di Terengganu," katanya.

Dalam pada itu, Kasemani memberitahu, pemeriksaan awal mendapati, klinik swasta milik suspek tidak berdaftar sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) dos penggalak di Terengganu.

"Suspek ada memohon (PPV) dos penggalak tetapi mujur kes ini terbongkar terlebih dahulu sebelum Kementerian Kesihatan (KKM) meluluskan permohonan tersebut," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Nostalgia nasi paku



Analisis
Semasa

Bersama
**NUZULSHAM
SHAMSUDDIN**

BARU-BARU ini Kementerian Kesihatan (KKM) mengingatkan peniaga supaya tidak menggunakan paku atau bahan seumpamanya yang berbahaya pada pembungkusan makanan dan jika ingkar, tindakan undang-undang akan diambil.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, di bawah Seksyen 13, Akta Makanan 1983 yang sesiapa yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang di dalamnya mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan, jika disabitkan kesalahan mereka boleh didenda maksimum RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, Dr. Noor Hisham dalam kenyataannya turut menyebut, hukuman lebih berat boleh dikenakan sekiranya bahan tersebut ditemukan dalam makanan.

Dengan kenyataan daripada Kementerian Kesihatan itu, rata-rata peniaga khususnya dari negeri Kelantan yang sudah 30 tahun menggunakan 'trademark' dalam pembungkusan makanan mereka itu terpaksa akur kerana bimbang mereka boleh didakwa di mahkamah sekiranya cara bungkusan itu masih diteruskan.



Peniaga berhadapan risiko disaman melalui tindakan sivil oleh pelanggan-pelanggan yang terkesan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini."

Bagi peguam Muhammad Amin Abdullah, tindakan Kementerian Kesihatan yang menggunakan akta itu bagi kes pendakwaan kepada peniaga yang membuat kesalahan tersebut disifatkan wajar kerana melibatkan kesihatan dan keselamatan orang awam.

"Apa yang lebih membimbangkan, peniaga berhadapan dengan disaman melalui tindakan sivil oleh pelanggan-pelanggan yang terkesan sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini (tertelan paku) akibat daripada pembungkusan makanan itu sendiri," katanya.

Mengulas lanjut, Muhammad Amin berkata, meskipun teknik bungkusan itu lain daripada yang lain dan menjadi tradisi mahupun 'trademark' yang mampu menarik minat dan perhatian pelanggan, namun peniaga-peniaga di luar sana harus memastikan tatacara pembungkusan makanan itu selamat kerana pelanggan tidak semestinya orang dewasa tetapi kanak-kanak.

Terdahulu menurut satu perkongsian Public Health Malaysia di laman Facebooknya,

sekiranya seorang kanak-kanak tertelan paku, mereka perlu menjalani imbasan dan jika mendapati paku tersebut telah sampai ke bahagian perut, kanak-kanak itu perlu segera dibedah untuk mengeluarkan paku tersebut.

Perkongsian itu turut menyebut, jika ada peniaga yang masih membungkus makanan menggunakan paku, laporkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran.

Seterusnya, bagi mencegah kejadian berisiko ini, pembeli perlu mengelakkan membeli makanan yang dibungkus dan ditutup dengan menggunakan paku dan pengendali makanan juga disarankan untuk mengelakkan penggunaan paku pada bungkusan makanan.

"Orang ramai juga sepatutnya tidak meletakkan paku di kawasan tempat makanan seperti meja dapur atau tempat yang boleh dicapai dengan mudah oleh kanak-kanak," kata perkongsian Public Health itu.

Susulan perkongsian itu, rata-rata orang ramai terkejut dan pelik dengan trend terbaru itu.

"Ada orang beli ke? Pembeli dan penjual macam tak boleh berfikir dengan waras. Cantum bungkusan makanan dengan paku?" kata seorang individu.

"Kalau ada terjumpa pengendali makanan yang amalkan cara pembungkusan merbahaya, terus laporkan kepada jabatan kesihatan untuk tindakan. Kita jaga kita," ujar seorang pengguna media sosial ketika meluahkan pandangannya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37
RUANGAN : NIAGA

Daftar sebagai PPV Jangkau Luar

PETALING JAYA - ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. (ProtectHealth) menyeru syarikat dan persatuan yang ingin memberi suntikan dos penggalak kepada pekerja serta ahli mereka supaya mendaftar sebagai Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Jangkau Luar melalui Pengamal Perubatan Swasta (PPS) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Penjagaan Kesihatan yang berdaftar.

Menurutnya dalam satu kenyataan semalam, program tersebut menyediakan cara yang lebih terkawal dan mudah untuk pekerja, terutamanya mereka yang bekerja di kilang dan tidak bergerak kerana turut disediakan vaksinasi di rumah.

Ketua Pegawai Eksekutif ProtectHealth, Datuk Dr. Anas Alam Faizli berkata, pihaknya sentiasa berusaha memperluaskan akses dos penggalak dan menambah baik keselesaan serta kemudahan dengan menawarkan pelbagai jenis PPV termasuk untuk vaksin dos penggalak.

Jelasnya, PPV Jangkau Luar adalah salah satu cara untuk mempercepatkan vaksinasi dos penggalak dengan memfokuskan kumpulan dan sektor yang



ANAS ALAM

disasarkan dalam jangka masa yang pendek, bergantung kepada jumlah penerima vaksin.

"Sebelum ini, kebanyakan pekerja akan pergi ke PPV tetapi kini majikan boleh memilih untuk menyediakan tempat vaksinasi bagi pekerja atau ahli persatuan mereka dalam tempoh masa satu hingga tujuh hari.

"Kami juga ingin menggalakkan PPS dan NGO Penjagaan Kesihatan untuk bekerjasama dengan majikan dan ketua komuniti yang ingin melakukan vaksinasi yang disasarkan di komuniti mereka, tempat kerja

atau di kilang untuk meningkatkan pemberian dos penggalak," ujarnya.

Setakat 9 Januari lalu, ProtectHealth telah menyumbang sejumlah 49.5 peratus daripada jumlah vaksinasi di seluruh Malaysia, bersamaan dengan 29,352,440 dos dalam Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK).

Ia turut menyumbang 72.1 peratus daripada jumlah keseluruhan dos penggalak di seluruh negara, bersamaan dengan 5,627,951 dos dalam PICK-Dos Penggalak.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

Ambil tindakan terhadap penjawat awam

KUALA NERUS - Kerajaan Terengganu akan memantau dan mengambil tindakan sekiranya terdapat penjawat awam negeri yang didapati memiliki sijil suntikan vaksin Covid-19 palsu.

Pengerusi Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Dr Alias Razak berkata, pihaknya memandang serius isu berkaitan sijil vaksinasi palsu ini memandangkan ia melibatkan keselamatan dan kesihatan rakyat.

"Kita akan arahkan jabatan kerajaan untuk memantau golongan antivaksin, yang keduanya dia beli pula sijil vaksin palsu. Ini satu kesalahan yang serius dan perkara ini akan dipantau oleh jabatan berkenaan," katanya kepada pemberita di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai penahanan seorang doktor sebuah klinik swasta selepas disyaki mengeluarkan sijil vaksin Covid-19 palsu.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, individu memiliki sijil vaksinasi tanpa suntikan sebenar boleh dikompromi jika terbukti melakukan aktiviti yang memerlukan vaksinasi lengkap di bawah Pelan Pemulihan Negara seperti merentas negeri dan negara.

Beliau berkata, tindakan tersebut diambil di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).

"Kita akan kenal pasti individu yang memiliki sijil vaksinasi tanpa suntikan ini dan beri nasihat serta kaunseling supaya mereka mengambil vaksin Covid-19 dengan segera," katanya.

Menurut Dr Kasemani, perbuatan doktor itu jelas melanggar etika sebagai pegawai perubatan dan boleh dikenakan tindakan sekiranya terbukti bersalah.

Jelas beliau, antara tindakan berkenaan adalah pendaftaran pegawai perubatan itu digantung atau dibatalkan.

"Sekiranya itu terjadi, klinik di bawah pemilikannya yang didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586) juga turut dibatalkan atau diarahkan tutup," katanya.

Doktor jual sijil vaksin palsu ditahan

Tangkapan terhadap doktor di Marang itu dilakukan selepas menerima maklumat orang awam

Oleh RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU

Kegiatan seorang doktor 'antivaksin' mengeluarkan sijil vaksinasi palsu kepada individu yang tidak mahu disuntik vaksin Covid-19 akhirnya terbongkar selepas dia ditahan sepasukan polis pada Sabtu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Rohaimi Md Isa berkata, tangkapan terhadap doktor lelaki berusia 51 tahun sebuah klinik swasta di Marang itu dilakukan selepas menerima maklumat orang awam berhubung aktiviti berkenaan.

"Siasatan awal mendapati, klinik swasta itu mendapat kebenaran memberi suntikan vaksin Covid-19 secara berbayar sejak September lalu dan dalam tempoh empat bulan, seramai 1,900 individu telah mendapat sijil vaksinasi Covid-19 daripada doktor berkenaan.

"Bagaimanapun, tidak semua sijil vaksin itu palsu dan kita sedang menyiasat berapa individu yang benar-benar menerima suntikan dan tidak disuntik," katanya dalam si-



Rohaimi (kanan) menunjukkan kad vaksinasi yang dirampas selepas penahanan seorang doktor klinik swasta di Marang pada Sabtu.

dang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu di sini pada Isnin.

Menurut Rohaimi, klinik swasta itu menawarkan perkhidmatan suntikan vaksin berbayar kepada orang ramai dengan bayaran antara RM400 hingga RM600 namun bagi mereka yang tidak mahu disuntik, sijil vaksin tetap dikeluarkan.

Beliau berkata, penjualan sijil vaksin palsu itu dipromosikan dan dijalankan secara dalam talian kepada golongan antivaksin dan beberapa ejen turut diupah dengan bayaran RM50 bagi setiap pelanggan yang membeli sijil berkenaan.

"Kita dapati, ada pelanggan yang datang dari Kedah, Johor dan Kuala Lumpur.

"Doktor yang sudah mengendalikan klinik selama 20 tahun itu juga mengaku sebagai antivaksin namun sudah menerima suntikan kerana terpaksa berikutan profesion beliau sebagai pegawai perubatan.

Jelas Rohaimi, beberapa barangan dan dokumen penting seperti telefon bimbit, komputer riba, kad vaksinasi dan borang kebenaran pengambilan suntikan vaksin turut dirampas bagi membolehkan siasatan dilakukan.

"Doktor itu kini direman selama tiga hari sehingga esok dan kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

"Kita turut menahan enam individu lain bagi membantu siasatan namun kesemua mereka sudah dibebaskan," katanya.



Anggota polis menunjukkan sijil vaksinasi palsu yang dikeluarkan klinik swasta pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu pada Isnin.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Segera tangkap dalang, pembeli

Tindakan mengaut keuntungan dengan memperdagangkan sijil vaksin adalah tidak bermoral

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM



SHAHUL HAMID

Pihak berkuasa perlu mengambil tindakan segera dan lebih agresif bagi menangkap semua dalang yang terlibat dengan penjualan sijil vaksin Covid-19 palsu dan pembelinya.

Penganalisis jenayah, Shahul Hamid Abdul Rahim menyifatkan aktiviti itu sebagai tindakan yang sangat tidak berintegriti kerana sijil vaksin itu merupakan keperluan utama untuk mengembara di seluruh dunia.

Tindakan sesetengah pihak yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan mudah dengan memperdagangkan sijil vaksin tidak bermoral dan memalukan.

"Tindakan perlu diambil terhadap pengeluar dan pembeli sijil vaksin. Jika boleh, mereka yang terlibat dikenakan hukuman berat termasuk penjara.

"Jika dibiarkan, bukan sahaja sijil vaksin Covid-19 tetapi mungkin sijil-sijil lain juga boleh dipalsukan. Penguat kuasa



Document berkaitan sijil suntikan vaksinasi palsu yang dikeluarkan oleh sebuah klinik swasta turut dirampas oleh polis pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu pada Isnin.



perlu menghentikan kesalahan ini sama ada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), polis atau agensi berkaitan, perlu membanteras penjualan sijil ini.

"Ambil tindakan segera dan berikan hukuman yang berat supaya tiada sesiapa lagi yang berani untuk menjual sijil palsu ini," katanya.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai tangkapan ke atas seorang doktor yang menjual sijil vaksinasi palsu di sebuah klinik swasta di Marang Terengganu.

Polis pantau kegiatan

SHAH ALAM - Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang terlibat dalam kegiatan menjual sijil digital vaksinasi.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Abd Jalil Hassan berkata, pihaknya kini sedang memantau kegiatan tersebut.

Beliau turut menasihatkan individu yang ditawarkan membeli sijil digital vaksinasi dalam MySejahtera dengan jumlah bayaran tertentu melaporkan kepada polis.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang terlibat dalam kegiatan menjual sijil digital vaksinasi ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Pada Ahad, tular satu mesej menerusi aplikasi WhatsApp mendakwa boleh menyediakan atau membuat sijil digital vaksinasi dalam MySejahtera dengan bayaran sebanyak RM2,500 bagi setiap individu.

Sinar Harian melaporkan, individu yang menawarkan sijil digital itu mendakwa pembeli akan 'selamat' jika diperiksa oleh penguat kuasa selain sijil tersebut boleh digunakan di semua tempat.

Sijil tersebut juga akan dipaparkan dengan maklumat pembeli seperti nama dan nombor kad pengenalan pada aplikasi MySejahtera.

Menurut mesej yang tular itu, pembeli hanya perlu menyediakan salinan kad pengenalan dan ID MySejahtera dan mengambil masa dua minggu selepas pembayaran dibuat sebelum MySejahtera pembeli dikemas kini dengan sijil tersebut.

Doktor pengkhianat palsukan sijil vaksin Covid-19 perlu terus diburu

SHAH ALAM - Kerajaan perlu melakukan tindakan tegas dan terus memburu mana-mana pihak yang mengkhianati usaha untuk membawa negara keluar daripada pandemik Covid-19.

Pakar kesihatan awam (epidemiologi dan biostatistik) daripada Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Malina Osman berkata, pembongkaran kegiatan pemalsuan sijil vaksin yang dilakukan oleh pengamal perubatan amat mengecewakan dan memberi kesan kepada profesion tersebut.

Menurutnya, perkara sedemikian tidak sepatutnya berlaku membabitkan golongan yang sepatutnya menjadi penasihat dan penggalak kepada masyarakat untuk mematuhi saranan kerajaan.

"Nyata sebahagian besar daripada komuniti perubatan memang terkesan dan juga sukar menerima kenyataan ada dalam

kalangan profesional perubatan yang melanggar etika sebagai pengamal perubatan apabila sanggup melakukan jenayah yang sewajarnya tidak berlaku.

"Wajar tindakan undang-undang diambil kepada mereka yang lakukan kesalahan sedemikian. Kegiatan ini perlu dikekang kerana ia akan menyebabkan rancangan pemulihan negara ini terjejas.

"Kerajaan memang perlu melakukan sesuatu yang tegas dalam isu ini kerana ia memang menimbulkan kemarahan. Rasa kecewa kerana usaha-usaha yang dilakukan selama ini seperti di-khianati oleh golongan pengamal perubatan itu sendiri," katanya. Beliau mengulas laporan penahanan seorang



DR MALINA

doktor 'antivaksin' di Marang, Terengganu yang dikenal pasti mengeluarkan sijil vaksinasi palsu kepada individu yang tidak mahu di-suntik vaksin Covid-19.

Mengulas lanjut, Malina berkata, doktor yang mengendalikannya kes-kes di lapangan perlu mempunyai integriti dan tanggungjawab melaksanakan amanah berlandaskan undang-undang dan kepatuhan terhadap semua prosedur terutamanya ketika negara menghadapi wabak.

"Kita harap dalam kalangan yang lain, profesional perubatan yang lain dapat membetulkan kepada niat kita apabila kita berdepan dengan pelbagai isu perubatan dan kesihatan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Akad nikah, kenduri di Kelantan dibenarkan dengan kapasiti 50 peratus luas premis

KOTA BHARU - Majlis akad nikah dan kenduri di Kelantan dibenarkan dengan pematuan 50 peratus kapasiti ruang premis dari penjarakan fizikal, setelah negeri ini berada dalam Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (Jahaik), Datuk Che Mohd Rahim Jusoh berkata, pe-

laksanaan itu tertakluk kepada individu yang telah lengkap menerima vaksin dan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun juga dibenarkan hadir dengan mematuhi protokol kesihatan umum.

"Jahaik menerusi Bahagian Undang-Undang Keluarga Islam turut memutuskan semua kursus praperkahwinan Modul Bersepadu

Kursus Praperkahwinan Islam (MBKPI) dijalankan secara dalam talian.

"Begitu juga dengan Khidmat Nasihat dan Runding Cara akan dijalankan secara dalam talian serta bersemuka mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Sebarang arahan dan ketetapan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau Kementerian Kesihatan (KKM) dari semasa ke semasa adalah terpakai dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan sebelum ini adalah terbatal.

Kelantan beralih ke Fasa 4 PPN berkuat kuasa 3 Januari lalu. - *Bernama*

'Lockdown' bukan pilihan terbaik

Majoriti rakyat akui sekatan sebelum ini beri kesan besar kepada ekonomi

Oleh FARAH SHAZWANI ALI

SHAH ALAM

Majoriti rakyat bersejua bahawa sekatan pergerakan atau 'lockdown' bukan pilihan yang terbaik untuk dilaksanakan kerajaan dalam mengekang penularan Covid-19.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Profesor Madya Dr Marzuki Isahak berkata, ia memandang Covid-19 sudah tersebar ke seluruh dunia dan bagi mengurangkan impak tersebut, strategi mitigasi dilakukan, yang mana sekatan pergerakan bukan salah satu daripada tindakan intervensi yang terbaik.

Malah katanya, sukar untuk melaksanakan strategi membendung kerana selain memerlukan banyak tenaga, ia juga memakan kos yang sangat tinggi.

"Untuk mengawal wabak, ada dua tahap iaitu membendung dan mitigasi. Pembendungan ini sebagaimana yang kita laksanakan pada peringkat awal dahulu dengan mengenakan sekatan pergerakan untuk memastikan semua kontak dikuarantin.

"Tetapi selepas dua tahun berdepan dengan wabak ini, kerajaan perlu bergerak kepada pendekatan mitigasi kerana kita sudah tidak mampu (hadapinya) sebab ia sudah tersebar ke seluruh dunia.

"Justeru, saya sangat bersejua apabila kerajaan melaku-

kan mitigasi kerana kalau ada sebarang kes pun, tidak semestinya kerajaan perlu sekatan perjalanan dan semuanya kerana ia memberikan impak besar kepada rakyat dan ekonomi," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau yang juga Setiausaha Kehormat, Akademi Perubatan Pekerjaan dan Persekitaran Malaysia menjelaskan, pendekatan mitigasi yang dilakukan bukan bermakna kerajaan gagal mengawal wabak ini.

Ini kerana pendekatan sedemikian digunakan di kebanyakan negara di dunia, yang mana Malaysia ke arah mengawal jangkitan dan mengurangkan impak daripada jangkitan.

Malah katanya, banyak negara sudah beralih ke fasa endemik dan berada di fasa mitigasi, berbanding fasa pembendungan sebagaimana yang dilaksanakan di China.

"Apa yang kita perlu pastikan adalah kebolehpayaan hospital untuk menerima kes-kes yang teruk. Kalau itu kita berjaya laksanakan, maknanya sistem kesihatan kita berjaya dan mampan.

"Tetapi dalam mengawal Covid-19 ini, ia bukannya terletak pada kerajaan sahaja. Kerajaan keluaran polisi untuk diikuti oleh semua orang.

"Sekarang ini kita sudah beralih ke fasa mitigasi dan mungkin tidak lama lagi beralih ke fasa endemik. Bila kita masuk fasa endemik, maka tidak perlu lagi kita membuat sekatan pergerakan kerana ia memberikan impak yang sangat besar kepada rakyat dan ekonomi negara," ujar beliau.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar pada Ahad memberitahu, Malaysia tidak mampu dari segi ekonomi



Suasana di sekitar kawasan pusat beli-belah Pavilion, Kuala Lumpur baru-baru ini. Kebebasan melakukan pelbagai aktiviti tidak dapat dijalankan sekiranya lockdown kembali dilaksanakan.



MARZUKI



NADHIRAH



MOHD SHUKRI



MUHAMMAD SALMAN

sependapat dan berasaskan sekatan pergerakan bukanlah pilihan tepat kerana ia akan menjejaskan ekonomi dan kebajikan rakyat.

Katanya, ter-lalu ramai rakyat yang terkesan

dan kebajikan rakyat sekiranya melaksanakan sekatan pergerakan untuk mengekang penularan Covid-19.

Sebaliknya beliau berkata, strategi kerajaan untuk menyekat penularan wabak tersebut adalah dengan melaksanakan strategi mitigasi.

Beliau berkata, tidak dinafikan pendekatan China yang melaksanakan sekatan pergerakan berkesan, namun strategi pembendungan atau 'zero Covid' bermaksud sekatan pergerakan penuh dilakukan bila ada hanya tiga kes positif.

Sementara itu, mahasiswa, Nadhirah Zainal, 20, turut berpandangan sekatan pergerakan

